

22/09/2003

Sebutir emas penyelamat maruah

Haryani Ngah

SEBUTIR emas yang diraih skuad wanita negara menerusi acara berpasukan ketika Kejohanan Bowling Dunia menghampiri penghujung acara cukup untuk menutup mulut pengkritik bahawa kemenangan yang diraih sebelum ini menerusi Kejohanan Berpasukan Dunia bukan kerana nasib.

Malah dengan kemenangan itu juga tertunailah janji pemain yang dilafazkan menerusi ikrar seminggu kejohanan bermula bahawa mereka mahu memenangi pingat emas untuk dihadiahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai hadiah persaraan.

Berbekalkan gelaran juara Berpasukan Dunia yang dimenangi skuad lelaki dan wanita negara di Odense, Februari lalu cukup membuatkan kem Malaysia digeruni sebelum kejohanan bermula apatah lagi dengan rekod tiga perak di Abu Dhabi, empat tahun lalu.

Namun itu hanya rekod lalu sedangkan realitinya terlalu sukar untuk diterjemahkan pemain negara sebaik kejohanan bermula 11 September lalu.

Selepas berakhirnya tiga acara dengan pelbagai kritikan dan persoalan timbul kenapa skuad negara gagal menyerlah di gelanggang sendiri yang menjadi tempat latihan mereka.

Bagaikan tidak percaya apabila ada beberapa pemain yang melakukan jatuhan kurang daripada 150 pin dan sekali gus menimbulkan persoalan adakah ini standard pemain bertaraf dunia?

Malah kritikan tidak sekadar datang daripada wartawan dan peminat bowling tanah air tetapi perkataan pedas yang hadir daripada wartawan asing yang sebelum ini memuji bertukar menjadi sinis sekali gus menambahkan lagi rasa kecewa.

Namun selepas puas menunggu, acara berpasukan menjadi taruhan terakhir dan benarlah Malaysia mempunyai pemain yang seimbang tidak seperti beberapa negara yang hanya memiliki seorang dua saja pemain terbaik dan selebihnya pelengkap untuk acara berpasukan.

Bagaikan mengerti kritikan yang dilemparkan, pemain negara mula mendapat rentak dalam acara berpasukan yang memerlukan kerjasama setiap pemain.

Shalin yang sebelum itu tidak mempamerkan aksi sebenar bangkit dengan jatuhan selesa bersama Wendy Chai dan Poh Lai terus kekal sebagai pemain negara paling konsisten walaupun masih mentah dengan pengalaman.

Sambil Sarah yang cukup berpengalaman membantu rakan sepasukannya terutama Sharon Chai yang gagal memberi aksi memberangsangkan sebelum itu untuk bekerjasama dan saling mengingatkan bahawa maruah negara perlu ditebus.

Benarlah sepatat membawa berkat dan pemain negara tidak sekadar memadamkan kemarau 24 tahun pencarian emas tetapi jatuhan 6,208 pin yang dilakukan mereka turut memadam rekod dunia 2,183 pin yang dilakukan Korea Selatan, empat tahun lalu di Abu Dhabi.

Apapun rata-rata pemain mengatakan mereka sebenarnya agak gementar dan memandangkan kejohanan berlangsung di gelanggang sendiri menyebabkan latihan mereka tidak dapat berjalan secara berterusan kerana terpaksa menghadiri banyak aktiviti sampingan.

Daripada pandangan yang dilemparkan pemain negara lebih gemar beraksi di negara luar kerana tiada tekanan dan orang tidak mepedulikan pencapaian mereka berbanding harapan menggunung yang diharapkan sebaik saja mereka melangkah ke gelanggang.